



# Khidmat Naib Canselor UUM disingkatkan kerana aduan, bukan suka-suka

Oleh [Izz Laily Hussein](#) - Februari 6, 2023 @ 4:47pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Prof Dr Haim Hilman Abdullah. - NSTP/ LUQMAN HAKIM ZUBIR

JOHOR BAHRU: Pemendekan tempoh perkhidmatan Prof Dr Haim Hilman Abdullah sebagai Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) bukan dibuat secara suka-suka, sebaliknya berdasarkan hasil siasatan dilakukan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pihaknya ada menerima aduan daripada pensyarah dan Lembaga Pengarah UUM mengenai Haim

Hilman, sebelum membuat keputusan memendekkan tempoh perkhidmatannya selaku Naib Canselor UUM kesembilan.

Beliau bagaimanapun tidak mendedahkan butiran aduan yang dimaksudkan, namun menegaskan siasatan sudah terlebih dahulu dilakukan terhadap aduan itu.

"Tidak perlulah saya nyatakan apa sebab dan puncanya. Pertukaran itu hanya meningkatkan tanggungjawabnya dan beliau tetap menjadi profesor di fakultinya, bukan bermakna dia dibuang.

"Sebenarnya terdapat aduan daripada pensyarah dan Lembaga Pengarah universiti pada tahun lalu, jadi ada siasatan yang dibuat," katanya ketika sidang media selepas kunjungan ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai di sini, hari ini.

Pada 20 Disember 2022, KPT menerusi satu kenyataan memaklumkan tempoh perkhidmatan Haim Hilman sebagai Naib Canselor UUM dipendekkan berkuat kuasa 18 Januari lalu.

Hail Hilman, 49, dilantik mengemudi UUM pada 17 Januari 2022.